

MAKALAH **مقالة الدعوة** DAKWAH



مسجد جامعة الأمة
Masjid Universiti Rakyat



PERCUMA

BIL. 3 / 7 Oktober 2011 - 9 Zulkaedah 1432

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Jalan Masjid, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
No. Telefon : 09 - 623 1771 No. Fax : 09 - 622 1690 Website : www.masjidabidin.org.my



KEWAJIPAN MEMBERSIHKAN HATI

Oleh: Ustaz Wan Khairul Aiman Bin Wan Mokhtar

Pegawai Masjid (Imam i),

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman

Hati & Peranannya

Hati diciptakan oleh Allah Ta'ala dengan pelbagai hikmah yang tersendiri. Hati tergolong di antara objek yang diciptakan oleh Allah Ta'ala yang mempunyai sifat yang sangat mudah berubah. Perkara ini telah ditegaskan oleh baginda Rasulullah S.A.W dalam sabdanya:

إن القلوب بين أصابع من أصبعين الرحمن, إن شاء أقامها وإن شاء أزاغها

Maksudnya: “*Sesungguhnya hati-hati ini berada di antara jari-jari daripada dua jari Allah Ta'ala. Jika Allah Ta'ala inginkan, maka Dia akan betulkan. Jika Allah Ta'ala inginkan, maka Dia akan pesongkan (mampu memalingkan hati dengan mudah dan sekelip mata).*”

Disebabkan perkara inilah, Nabi Muhammad S.A.W telah mengajar umat Islam satu doa yang amat penting untuk menjamin keselamatan diri di dunia dan akhirat. Rasulullah S.A.W sendiri selalu mendoakan ketetapan hatinya dengan doa:

“*Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku atas agamaMu.*”

Kita sebagai hamba Allah yang lemah, perlu menanamkan kewajipan dalam diri untuk selalu membersihkan dan memurnikan jiwa. Hati ini hanyalah seketul daging di dalam diri seorang insan tetapi peranannya adalah umpama seorang raja yang berkuasa. Hati yang bersih memandu manusia ke jalan yang lurus dan hati yang kotor memandu manusia ke jalan yang sebaliknya. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W:

ألا إن في الجسد مضغة, إذا صلحت صلح سائر الجسد, وإذا فسدت فسد سائر الجسد

Maksudnya: “*Ingatlah, sesungguhnya di dalam diri anak Adam itu ada seketul daging. Jika baik daging tersebut, maka baiklah keseluruhan diri. Jika rosak daging tersebut, maka rosak binasalah keseluruhan diri.*”

Imam Abdullah al-Haddad telah berkata:

“*Laksanakan perkataan kamu dengan amalan kamu. Dan laksanakanlah amalan kamu dengan niat dan keikhlasan kamu. Dan laksanakan niat dan keikhlasan kamu itu dengan pembersihan jiwa dan pemurnian hati kamu kerana sesungguhnya hati ini adalah induk dan peranannya amatlah besar.*”

Hati Yang Keras & Lalai

Apabila hati dan jiwa tidak dijaga dan dibajai sepenuhnya, maka hati ini mudah menjadi keras dan lalai. Ini kerana hati ini sangat mudah terdedah kepada pencemaran berbanding jasad dan anggota luaran kerana setiap maksiat dan syubhah yang dilakukan, adalah merupakan titik hitam yang akan menutupi hati ini. Jika dibiarkan berterusan tanpa sebarang pembersihan, titik hitam ini akan berkarat dan sebatu yang mana berisiko menyebabkan hati seseorang itu menjadi lalai dan keras.

Hati yang keras ialah hati yang tidak terkesan dengan sebarang peringatan dan tidak akan lembut apabila mendengar khabar kematian, azab dunia dan akhirat, dosa pahala dan sebagainya. Manakala hati yang lalai pula tidak peka dan mengambil pengajaran daripada peringatan dan ancaman daripada Allah.

Golongan yang ini tidak disukai oleh Allah Ta'ala sepertimana yang termaktub di dalam satu hadis Nabi S.A.W:

أبعد الأشياء من الله تعالى القلب القاسى

Maksudnya: “ Perkara yang paling jauh daripada Allah Ta'ala ialah hati yang keras. ”



Tanda-Tanda Kelalaian Hati

Terdapat tanda-tanda bagi hati yang lalai daripada mengingati Allah Ta'ala. Barangsiapa yang memilikinya, perlulah segera mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengatasinya. Antara tanda-tanda tersebut ialah:

1. Apabila seseorang itu membaca dan mendengar al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W, dia tidak menghayati dan memahami maknanya serta tidak mengambil peduli suruhan dan larangan Allah Ta'ala yang termaktub di dalamnya.
2. Seseorang itu selalu lupa dan tidak banyak mengingati kematian serta perkara-perkara akhirat.
3. Seseorang itu jarang menghadiri majlis dan mendekati para ulama'. Waktu sehariannya lebih banyak dihabiskan bersama orang-orang yang jahil.

Kesimpulan

Punca utama yang menyebabkan hati mudah tercemar ialah perbuatan dosa dan maksiat. Perkara ini perlu dihindari sedaya-upaya untuk menjamin kebersihan hati yang hakiki. Sebagai langkah yang patut dilakukan untuk membersihkannya ialah dengan amalan taubat yang berterusan dan menanam sifat-sifat Mahmudah dalam diri dan membuang sifat-sifat Mazmumah yang ada. Ibadat mestilah digandakan dan keikhlasan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya dengan amalan yang dilakukan, Allah Ta'ala akan mengurniakan kepada kita kekuatan dan membantu kita dalam mewujudkan hati yang benar-benar suci dan bersih...Amin Ya Rabb al-'Alamin.

MAKLUMAN!

Makalah Dakwah adalah suatu penulisan ringkas berbentuk ilmiah yang diterbitkan dua minggu sekali di bawah Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman. Makalah Dakwah boleh didapati pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengikut kalendar Masehi di dewan solat muslimin dan muslimat. Sebarang teguran daripada muslimin dan muslimat amatlah dialu-alukan bagi menambah baik pengurusan pengimarah masjid.